

03 JUN 1997

Everest-pulang

PASUKAN MALAYSIA-EVEREST '97 DIBERI SAMBUTAN WIRA NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Kepulangan pasukan ekspedisi Malaysia-Everest '97 termasuk dua pendaki negara M. Magendran dan N. Mohandas ke tanah air hari ini diberikan sambutan sebagai wira negara sebaik tiba di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Pasukan yang mengharumkan nama negara itu khususnya Magendran dan Mohandas yang berjaya menjejak kaki dan memacak bendera Malaysia di puncak tertinggi dunia itu pada 23 Mei lalu disambut meriah dan penuh emosi oleh kira-kira 5,000 orang termasuk anggota keluarga dan sahabat handai yang membanjiri balai ketibaan di Terminal Satu.

Pekikan "Malaysia Boleh" dan "Yakin Boleh" bergema sebaik sahaja pasukan itu muncul dari bilik VIP dan disambut dengan paluan kompang, tarian singa dan sebuah pancaragam tentera.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut berada di Kathmandu bagi mengucapkan tahniah di atas kejayaan mereka juga pulang bersama pasukan itu dengan penerbangan TG 415 dari Bangkok yang mendarat pada 11.40 pagi.

Sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Teluk Gong, Klang, merentang kain pemedang yang bertulis "Selamat Pulang Wira Cikgu Magendran" bagi menyambut kepulangan guru mereka, Magendran, 33.

Turut berada menyambut kepulangan wira-wira negara itu ialah kakitangan Shell Malaysia kerana salah seorang daripada wira negara itu ialah rakan mereka Mohandas, 36, yang bertugas sebagai pembantu pentadbir di Shell Trading Sdn Bhd.

Turut memeriahkan upacara sambutan itu ialah pertubuhan-pertubuhan belia dari seluruh negara, pergerakan pemuda Umno dan MIC.

Rentangan kain pemedang yang mengalu-alukan kepulangan pasukan itu dan kibaran bendera Malaysia mewarnai suasana di perkarangan bangunan terminal yang penuh sesak dengan orang ramai.

Orang ramai berebut-rebut untuk bersalam dan mengalungkan bunga ke leher Magendran dan Mohandas yang diarak keluar dari bangunan terminal ke kenderaan.

Upacara sambutan itu disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Pasukan itu kemudian dibawa ke Jabatan Perdana Menteri di Jalan Datuk Onn untuk upacara sambutan rasmi oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kemudian meraikan mereka di satu majlis makan tengah hari.

Magendran dan Mohandas telah mengharumkan nama negara apabila menjadi rakyat Malaysia pertama yang berjaya menawan Gunung Everest pada 2.10 petang 23 Mei lalu menandakan kemuncak pendakian mereka selama 59 hari ke puncak Himalaya.

Kejayaan yang sungguh membanggakan itu berlaku hanya seminggu selepas pihak berkuasa Nepal menutup laluan mendaki berikutan kemaraan musim monsun menjelang penghujung bulan Mei.

Mereka berdua merupakan sebahagian daripada pasukan ekspedisi 20 anggota yang diketuai oleh Nor Ramlle Sulaiman (ulang Ramlle Sulaiman) dalam projek yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kemudian melancarkannya pada 4 Jun tahun lepas.

Perdana Menteri juga telah menyerahkan Bendera Malaysia kepada pasukan ekspedisi itu pada malam 28 Feb, menjelang pemergian mereka ke Nepal.

Para pendaki Malaysia itu telah sampai di Everest Base Camp pada 26 Mac

dan 10 daripada mereka mula menjalani latihan penyesuaian selama enam minggu mulai 1 April.

Puncak setinggi 8,848 meter itu pada mulanya dirancang untuk ditawan awal bulan lepas tetapi terpaksa ditangguhkan akibat angin kencang pada kelajuan lebih 120 kilometer sejam di Camp 4 di ketinggian 7,955 meter.

Dua lagi pendaki, Mohd Fauzan Hassan dan Gary Choong yang mendaki bersama-sama Magendran dan Mohandas bagaimanapun tidak dapat sampai ke puncak dan terpaksa berpatah balik ke Camp 4 kerana kesihatan mereka tidak mengizinkan.

-- BERNAMA

NI OBA